

Kegiatan sugar baby dalam kalangan pelajar

# Bukit Aman, KPT siasat kegiatan 'sugar baby'

Universiti dakwa banyak keraguan terhadap data disiarkan dalam laporan media

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Safeek Affendy Razali  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama semua universiti yang terkait, sedang menyasat kesahihan dakwaan pembabitkan pelajar mereka dengan kegiatan *sugar baby*.

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Husaini Omar, berkata usaha terbabit dibuat bagi menangani dakwaan yang dilaporkan media itu dengan sebaik-baiknya.

"KPT memandang serius pendedahan dalam talian dibuat sebuah akhbar mengenai laman sesawang 'program pelajar' dan laporan dalam Facebook mengenai peningkatan mendadak bilangan pelajar universiti terbabit perkhidmatan *sugar baby*."

"KPT telah menghubungi beberapa universiti yang disenaraikan dalam laporan itu bagi mendapatkan maklumat kesahihan data disiarkan beberapa media."

"Dalam hal ini, pihak universiti menjelaskan terdapat banyak keraguan terhadap data yang dikemukakan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beberapa portal berita melain



Husaini Omar


porkan pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan ramai pelajar universiti tempatan mencari *sugar daddy* bagi mendapatkan wang dengan cara mudah untuk menampung kos hidup serta yuran pengajian.

Perkhidmatan hubungan *sugar daddy-sugar baby* terbesar di Asia, *Sugarbook* mendakwa aplikasi itu mencatatkan peningkatan pendaftaran pelajar sehingga 40 peratus, untuk menjadi *sugar baby* sejak Januari lalu.

Aplikasi itu juga mendedahkan seramai 12,705 pelajar terdiri daripada penuntut di institut pengajian tinggi (IPT) sekitar Lembah Klang, termasuk dua universiti awam, berdaftar dengan platform itu.

Husaini berkata, antara perkara dibangkitkan universiti tempatan, termasuk Sunway Education Group menyatakan, agak mustahil 45 peratus daripada pelajar Sunway University terbabit dalam aktiviti *sugar baby*.

Katanya, ia berikutan jumlah pelajar Sunway University pada masa ini kira-kira 7,000 saja, se-



Huzir Mohamed

kali gus menunjukkan laporan itu bersifat agak tidak munasabah apabila melaporkan seramai 3,105 pelajar universiti itu menjadi *sugar baby*.

"Pada 10 Februari lalu, Universiti Teknologi MARA (UiTM) juga membuat laporan polis bagi menafikan laporan media berkenaan," katanya.

Beliau berkata, kementerian juga akan melaksanakan sesi libat urus dengan beberapa kementerian dan badan bukan kerajaan (NGO) bagi menangani perkara itu.

"Ia membabitkan Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang merangka program berterusan serta menyeluruh bagi memastikan sahshiah pelajar dan imej institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia terjaga," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed, berkata pihaknya sudah membuka kertas siasatan susus-

lan laporan diterima daripada universiti dan orang awam.

"JSJ sudah berhubung dengan pengurusan IPT berkenaan bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai aktiviti tidak bermoral itu, berkemungkinan wujud dalam kalangan penuntut mereka."

"Polis mengalu-alukan mana-mana IPT lain sama ada awam atau swasta tampil membuat laporan sekiranya mempunyai sebarang maklumat sedemikian atau tampil kepada JSJ Bukit Aman," katanya ketika dihubungi BH semalam.

Huzir berkata JSJ Bukit Aman sudah mengarahkan Bahagian (D3) Anti-Pemerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (ATI-PSOM) dan Bahagian Siasatan Jenayah Maksiat, Judi dan Kongsi Gelap (D7) Bukit Aman, menjalankan siasatan lanjut berhubung kegiatan ini.

"Kita sudah memulakan siasatan terhadap aplikasi suai kenal yang dinyatakan untuk mengenalpasti aktiviti sebenar, yang berkemungkinan menjurus kepada aktiviti jenayah pelacuran."

"Siasatan dibuat mengikut Seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan iaitu kenyataan yang mendatangkan khianat awam dengan niat hendak menyebabkan ketakutan atau kegenteraan awam dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan," katanya.

Beliau berkata, polis turut menjalankan siasatan mengikut Seksyen 372 Kanun Keseksaan atas kesalahan terbabit dalam kegiatan pelacuran.